

# Pemberian royalti lima peratus satu kesilapan

BH 30 JUN 2000

BANGI, Khamis — Pemberian royalti minyak sebanyak lima peratus kepada Terengganu selama ini adalah satu kesilapan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menjelaskan, royalti itu diberi dahulu kerana ketika itu Kerajaan Pusat percaya Terengganu sebuah negeri yang miskin.

“Saya ingat ini satu kesilapan. Oleh kerana Terengganu dulu diperintah oleh Umno dan Barisan Nasional (BN), maka kita tidak ambil kira secara teliti mengenai hak negeri-negeri di Semenanjung mendapat royalti.

“Jadi kita bagi dengan kepercayaan bahawa Terengganu adalah sebuah negeri miskin. Kita percaya pada ketika itu, rizab minyak kita begitu kecil dan Terengganu akan mendapat royalti sebanyak-banyaknya RM50 juta saja,” katanya selepas merasmikan Universiti Tenaga Nasional di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas perkembangan terbaru selepas kenyataannya Isnin lalu

bahawa Kerajaan Pusat akan mengkaji terlebih dahulu apakah hak Terengganu untuk mendapat royalti minyak serta meneliti sama ada royalti itu sebahagian daripada perjanjian dengan Terengganu sebelum ini.

Laporan baru-baru ini menyebut Kerajaan Pusat bersetuju membayar royalti sebanyak RM810 juta kepada Terengganu walaupun kajian terperinci menunjukkan negeri itu tidak mempunyai sebarang hak ke atasnya.

Jumlah royalti itu dikatakan 75 peratus lebih tinggi daripada apa yang diberi ketika negeri itu diperintah kerajaan Barisan Nasional (BN). Tahun lalu Terengganu dibayar RM426 juta.

Sementara itu, Presiden Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican mengesahkan, Petronas akan membayar royalti sebanyak RM810 juta kepada kerajaan negeri Terengganu.

Menjawab soalan di sidang akhbar bagi mengumumkan keputusan kewangan Petro-

nas, beliau berkata bayaran itu berdasarkan kadar royalti lima peratus.

Katanya, kadar royalti lima peratus itu perlu dibayar oleh Petronas kepada Terengganu sebagaimana dipersetujui dalam perjanjian yang ditandatangani Petronas dengan kerajaan negeri itu pada 1975.

Perjanjian dengan kerajaan negeri Terengganu itu berasaskan kepada Akta Pembangunan Petroliaam 1974. Dr Mahathir pula berkata, jika harga minyak naik, Petronas dijangka membuat keuntungan sebanyak RM32 bilion tahun depan dan berdasarkan pembayaran lima peratus royalti, Terengganu boleh mendapat RM1 bilion ketika itu.

Mengenai kenyataan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim yang mahu mengambil tindakan mahkamah terhadap Petronas kerana meneruskan pembayaran royalti minyak kepada Terengganu, Perdana Menteri berkata tindakan itu jika diteruskan mungkin boleh memalukan.